

# Kerajaan tak cadang kawal kejatuhan IK

BH - 7/3/2007.

## PM mahu kuasa pasaran tentukan pergerakan bursa saham

Oleh Azman Zakaria

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak akan memperkenalkan sebarang langkah bagi membendung kejatuhan indeks saham di Bursa Malaysia, sebaliknya menyerahkan perkara itu kepada kuasa pasaran.

"Kita tidak akan (perkenalkan langkah mengawal kejatuhan). Seperti yang saya katakan, asas ekonomi kita kukuh dan Malaysia tempat baik untuk melabur bukan saja dalam pasaran saham.

"Kita ada punyai kestabilan politik yang penting untuk semua," katanya pada sidang media selepas mende-ngar taklimat Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM) selama hampir empat jam, di sini, semalam.

Turut hadir Gabenor Bank Negara, Tan Sri Sr Zeti Akhtar Aziz dan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop.

Pasaran saham di rantau ini menjunam kelmarin berikutan kegiatan pelabur menjual ekuiti secara besar-besaran di seluruh dunia.

Kelmarin, Indeks Komposit (IK) di Bursa Malaysia turun 53.9 mata atau 4.6 peratus, kepada 1,110.69, kejatuhan terbesar dalam sehari sejak 17 September 2001.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak akan menyemak pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang diunjurkan sebanyak 6 peratus.

"Saya tidak fikir kita perlu semak pertumbuhan KDNK," katanya.

Beliau berkata, kedudukan ekonomi negara baik dan mempunyai ketahanan, tetapi adalah penting untuk memastikan ia terus diperkukuh serta mampu menghadapi perkembangan atau kejutan luar.

Dengan itu, katanya, apabila berlaku kejutan terlalu kuat di negara lain, Malaysia tidak terjejas teruk dan jika kejutan itu tidak kuat, ia

tidak membawa kesan kepada negara ini.

Katanya, asas ekonomi negara perlu sentiasa diperkukuhkan kerana faktor global adalah sesuatu yang bukan mudah dipastikan dan sekiranya berlaku, contohnya seperti di Amerika Syarikat, kesannya akan sampai ke negara ini.

"Kita memang terbuka kepada situasi itu kerana Amerika Syarikat adalah rakan dagang dan pelabur terbesar kita. Situasi di negara lain juga diambil kira seperti di China dan India yang ekonomi, daya tahan dan daya saing mereka bertambah kukuh dari semasa ke semasa.

"Faktor geopolitik itu pun sesuatu yang tidak dapat dikawal. Jika berlaku, ia akan juga membawa kesan terhadap ekonomi seluruh dunia. Harga minyak masih jadi faktor yang boleh menjatuhkan ekonomi setiap negara," katanya.

Beliau juga berkata, ekonomi Malaysia mempunyai ketahanan berda-

sarkan pelbagai faktor antaranya simpanan tinggi, ringgit yang kuat ringgit, kadar inflasi berkurangan dan kadar pengangguran terkawal.

"Kita dah lihat sektor pembinaan buat pertama kali mencapai pertumbuhan positif, walaupun sebelum ini selama dua tahun atau untuk 10 suku tahunan berturut-turut kedudukannya negatif.

"Saya gembira mendengar pelaburan domestik meningkat. Ia menunjukkan ada keyakinan daripada rakyat Malaysia sendiri terhadap ekonomi dan pengurusan ekonomi di negara kita," katanya.

Mengenai laporan bahawa PSA Peugeot-Citroen menamatkan rundingan kemungkinan mengadakan kerjasama dengan Proton Holdings Bhd, Perdana Menteri berkata, beliau sudah dimaklumkan mengenai-nya.

"Pada ketika ini kita masih berunding dengan Volkswagen AG," katanya.